

Rakyat gembira dengan keadaan negara: PM

BH - 1 JAN 2000

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyifatkan sambutan tahun 2000 yang menggalakkan di kalangan rakyat negara ini membuktikan mereka gembira dengan keadaan di negara ini sekarang.

Perdana Menteri berkata ini juga menunjukkan rakyat berasa tidak terancam dan tertekan tetapi sebaliknya merayakan sambutan alaf baru dalam keadaan aman, tenang dan mereka harus bersyukur.

"Saya nampak (pagi ini) rakyat Malaysia berasa senang hati dapat menyambut alaf baru dengan riang gembira kerana negara kita aman, makmur dan mereka boleh bersukaria kerana di Malaysia kita tidak menghadapi apa-apa masalah.

"Saya juga turut gembira kerana datang ke

sini untuk melihat perayaan sambutan alaf baru yang diadakan," katanya ketika ditemui selepas menyaksikan detik 12 malam alaf baru di Menara Berkembar Petronas.

Ditanya apakah harapannya untuk alaf baru ini, Dr Mahathir berkata, hasratnya ialah supaya Malaysia mencapai matlamat Wawasan 2020 dan dengan sokongan yang jelas daripada rakyat, hasrat itu akan tercapai.

Ditanya apakah perasaannya selepas detik 12 tengah malam, Dr Mahathir berkata:

"Saya rasa amat senang hati dan gembira kerana rakyat sama-sama menyambut perayaan ini dalam keadaan yang aman damai," katanya sambil menasihatkan semua rakyat Malaysia supaya terus bekerja kuat pada tahun 2000.